

Isu mengenai undang2 Islam sudah selesai — Mahathir

U.M. 18 AUG 1989

KUALA LUMPUR 17 Ogos — Perdana Menteri, Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad berkata, isu perbalahan mengenai undang-undang Islam yang diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri Selangor baru-baru ini telah selesai tanpa merugikan mana-mana pihak.

Katanya, perbalahan itu telah diselesaikan dengan cara Barisan Nasional (RN) dan ia tidak akan diumumkan bagi mengelakkan salah faham.

"Kita tak akan mengumumkan cara mana kita capai penyelesaian itu kerana ia akan jadi sensitif disebabkan banyak pihak akan memberi tafsiran yang berbeza-beza," katanya kepada pemberita selepas perjumpaan dengan ahli-ahli majlis pihak berkuasa tempatan dari UMNO di sini hari ini.

Beliau berkata demikian ketika ditanya mengenai hasil perjumpaan dengan pemimpin-pemimpin parti komponen BN mengenai isu Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam Negeri Selangor yang diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri pada 14 Julai lalu.

Lapan anggota Dewan Undangan Negeri daripada MCA yang menyokong enakmen tersebut telah diminta oleh pemimpin parti itu supaya memberi jawapan mengapa mereka menyokong enakmen itu.

Selain MCA, Gerakan juga meminta supaya kelulusan enakmen ini dikaji semula kerana menurut mereka terdapat pertentangan dengan Perlembagaan Persekutuan.

Fasal 67 di bawah enakmen yang diluluskan itu menyebut bahawa orang bukan Islam bebas memeluk Islam apabila mereka mencapai umur baligh. Umur baligh bagi kanak-kanak perempuan ialah apabila mereka mula datang haid.

MCA mendakwa enakmen itu mungkin bertentangan dengan perkara 12 (4) Perlembagaan Persekutuan yang menyebut bahawa agama bagi seseorang yang berumur 18 tahun ke bawah harus ditentukan oleh ibu bapa atau penjaga mereka.

Perdana Menteri berkata, orang bukan Islam tidak perlu bimbang kerana isu ini telah selesai dan orang-orang Islam tidak perlu kata mereka kehilangan sesuatu.

Kata Datuk Sri Dr. Mahathir, penyelesaian cara BN ini akan digunakan di seluruh negara.

Ditanya mengenai arahan Timbalan Perdana Menteri, Encik Ghafar Baba supaya semua parti komponen BN membuka bilik gerakan masing-masing bagi menghadapi pilihanraya yang 'semakin dekat', Datuk Sri Dr. Mahathir berkata, apa yang dimaksudkan oleh Encik Ghafar ialah supaya BN sentiasa bersedia.